



NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF TERENGGANU DARUL IMAN GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 64

17hb Februari 2011

No. 4

No. 125.

AKTA MAHKAMAH RENDAH 1948
(Akta 92)

SUBORDINATE COURTS ACT 1948
(Act 92)

PELANTIKAN MAJISTRET KELAS PERTAMA

APPOINTMENT OF FIRST CLASS MAGISTRATE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 78(b) Akta Mahkamah Rendah 1948 [Akta 92], Pihak Berkuasa Negeri, dengan sokongan Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya, telah melantik Noradila binti Ab. Latif sebagai Majistret Kelas Pertama di dalam dan bagi Negeri Terengganu berkuat kuasa mulai 15 Oktober 2010.

In exercise of the power conferred by paragraph 78(b) of the Subordinate Courts Act 1948 [Act 92], the State Authority, on the recommendation of the Chief Judge of the High Court in Malaya, has appointed Noradila binti Ab. Latif to be First Class Magistrates in and for the State of Terengganu with effect from 15 October 2010.

[JK(04)951/5/11]

WARTA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

180

[17hb Feb. 2011]

No. 126.

KANUN TANAH NEGARA (Akta 56 Tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE (Act 56 of 1965)

PELANTIKAN DAN PEMBATALAN PELANTIKAN DI BAWAH PERENGGAN 12(1)(b)

APPOINTMENT AND REVOCATION OF APPOINTMENT UNDER PARAGRAPH 12(1)(b)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada Pihak Berkuasa Negeri di bawah perenggan 12(1)(b) Kanun Tanah Negara [Akta 56/1965] dan diwakilkan kepadanya menurut *Warta Kerajaan Negeri Terengganu* No. 872 bertarikh 18 Disember 1980, Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu telah melantik orang yang dinamakan dalam ruang (1) Jadual A untuk memegang jawatan yang dinyatakan dalam ruang (2) mulai dari tarikh yang dinyatakan dalam ruang (3) bersetentangan dengan nama mereka masing-masing.

2. Tugas orang yang dilantik untuk memegang jawatan yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual B adalah menyaksikan suratcara di bawah seksyen 211 Kanun Tanah Negara.

Pembatalan Pelantikan

3. Pelantikan orang yang dinamakan dalam ruang (1) Jadual C untuk memegang jawatan yang dinyatakan dalam ruang (2) seperti yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Terengganu* yang dinyatakan dalam ruang (3) dibatalkan mulai tarikh yang dinyatakan bersetentangan dengan namanya dalam ruang (4).

JADUAL A

(1) Nama	(2) Jawatan	(3) Tarikh Pelantikan
Mohamad Nor bin Ibrahim	Pentadbir Tanah Setiu	1.1.2011

JADUAL B

PEGAWAI-PEGAWAI DI PEJABAT DAERAH

(1) Nama	(2) Jawatan	(3) Tarikh Pelantikan
Haji Yussof bin Ali	Ketua Penolong Pentadbir Tanah Kuala Terengganu	1.1.2011

WARTA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

17hb Feb. 2011]

181

JADUAL C

(1) Nama	(2) Jawatan	(3) <i>Warta</i>	(4) Tarikh Pembatalan
Haji Mohd Akil bin Haji Mat	Pentadbir Tanah Setiu	No. 404 bertarikh 15.4.2010	1.1.2011
Rozali bin Salleh	Ketua Penolong Pentadbir Tanah Kuala Terengganu	No. 323 bertarikh 9.4.2009	1.1.2011

Bertarikh 25 Januari 2011
 [PTG. Tr. 00/02/1987/2A/09;
 PUN. Tr. 70 Sj. 3 Jld. 22(94)]

A. RAHIM BIN JUSOH
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Terengganu

In exercise of the powers conferred upon the State Authority under paragraph 12(1)(b) of the National Land Code [Act 56/1965] and delegated to him vide Terengganu Government Gazette No. 872 dated 18 December 1980, the State Secretary of Terengganu has appointed the persons named in column (1) of Schedules A to hold the post as specified in column (2) of the Schedules with effect from the dates mentioned in column (3) against their names respectively.

2. The duty of the persons appointed to hold the posts specified in column (2) of Schedule B shall be to attest instrument of dealings under section 211 of the National Land Code.

Revocation of appointment

3. The appointment of the persons named in column (1) of Schedule C to hold the posts as specified in column (2) of the Schedule as published in the Terengganu Government Gazette specified in column (3) is revoked with effect from the dates specified against their names in column (4).

SCHEDULE A

(1) Name	(2) Post	(3) Date of Appointment
Mohamad Nor bin Ibrahim	Land Administrator of Setiu	1.1.2011

SCHEDULE B

OFFICERS IN THE DISTRICT OFFICE

(1) Name	(2) Post	(3) Date of Appointment
Haji Yussof bin Ali	Chief Land Administrator of Kuala Terengganu	1.1.2011

WARTA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

182

[17hb Feb. 2011]

SCHEDULE C

(1) Name	(2) Post	(3) <i>Gazette</i>	(4) Date of Revocation
Haji Mohd Akil bin Haji Mat	Land Administrator of Setiu	No. 404 dated 15.4.2010	1.1.2011
Rozali bin Salleh	Chief Land Administrator of Kuala Terengganu	No. 323 dated 9.4.2009	1.1.2011

Dated 25 January 2011
[PTG. Tr. 00/02/1987/2A/09;
PUN. Tr. 70 Sj. 3 Jld. 22(94)]

A. RAHIM BIN JUSOH
*Secretary of the State Executive Council
of Terengganu*

No. 127.

(Seksyen 28)

NOTIS PENANGGUHAN SIASATAN

Kepada Bank Islam Malaysia Berhad yang beralamat di Tingkat 10, Bangunan Darul Takaful, Jalan Sultan Ismail, 20200 Kuala Terengganu (RUJ: 113044080012419). Pemegang Gadaian di dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah sebagaimana yang tersebut di dalamnya.

Kepada Ruslam bin Awang K/P. 590220-11-5225 yang beralamat di CEFS Response Petronas Chemical Industrial, Lot 8969, Bukit Tengah, 24300 Kerteh, Terengganu. Penggadai di dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah sebagaimana yang tersebut di dalamnya.

Adalah dengan ini diberi notis bahawa siasatan bagi tanah tersebut yang telah ditetapkan pada 3 Julai 2011 DITANGGUHKAN DAN DITETAPKAN SEMULA PADA 11 April 2011 (Isnin) jam 10.30 pagi di Bilik Penolong Pentadbir Tanah (Pendaftaran), Pejabat Tanah Dungun. Tuan dikehendaki HADIR.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Kuala Paka. No. Lot—5764. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 3571. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 236/2005.

Bertarikh 12 Januari 2011 TUAN SHARIFAH KHAIRUZITA BINTI TUAN KECHIL
[PTD. 07/53/2010/0005 (15)] *Penolong Pentadbir Tanah
Dungun*

WARTA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

17hb Feb. 2011]

183

No. 128.

(Subseksyen 62(1))

PERIZABAN TANAH BAGI MAK SUD AWAM

(Subsection 62(1))

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [Akta 56/1965], Pihak Berkuasa Negeri Terengganu Darul Iman telah merizabkan tanah yang diperihalkan dalam Jadual dan dipetakan di atas pelan yang diperakui No. PA 154719 Lembar Piawai No. 18-D yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Terengganu, bagi maksud awam, iaitu suatu tapak untuk Balai Raya dan telah menetapkan bahawa Pegawai Daerah Setiu atau pengganti-pengganti jawatannya hendaklah menyenggara tanah rizab itu.

JADUAL

Daerah—Setiu. Mukim—Caluk. Kawasan—Kampung Taman Hijrah. No. Pelan—PA 154719. Lembar Piawai—18-D. No. Lot—10824. Luas—2489 meter persegi.

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [Act 56/1965], the State Authority of Terengganu Darul Iman has reserved the land described in the Schedule and delineated upon certified plan No. CP 154719 Sheet No. 18-D deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Terengganu, for a public purpose, to wit, a site for Community Hall and has designated that the District Officer of Setiu or his successors in office shall maintain the reserved land.

SCHEDULE

District—Setiu. Mukim—Caluk. Locality—Kampung Taman Hijrah. Plan No.—CP 154719. Sheet No.—18-D. Lot No.—10824. Area—2489 square metres.

Bertarikh 19 Januari 2011

A. RAHIM BIN JUSOH

Dated 19 January 2011

Setiausaha

[PTG. Tr. 07/66/2009/0001;

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri

PTS. 07/66/2009/0001;

Terengganu/

PUN. Tr. 70 Sj. 3 Jld. 22(81)]

Secretary of the State Executive Council

of Terengganu

WARTA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

184

[17hb Feb. 2011]

No. 129.

(Subseksyen 62(1))

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

(Subsection 62(1))

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [Akta 56/1965], Pihak Berkuasa Negeri Terengganu Darul Iman telah merizabkan tanah yang diperihalkan dalam Jadual dan dipetakan di atas pelan yang diperakui No. PA 200847 Lembar Piawai No. 6-B-I yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Terengganu, bagi maksud awam, iaitu suatu tapak untuk Pusat Komuniti dan telah menetapkan bahawa Pegawai Daerah Besut atau pengganti-pengganti jawatannya hendaklah menyenggara tanah rizab itu.

JADUAL

Daerah—Besut. Mukim—Kerandang. Kawasan—Tanah Merah. No. Pelan—PA 200847. Lembar Piawai—6-B-I. No. Lot—56990. Luas—0.5000 hektar.

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [Act 56/1965], the State Authority of Terengganu Darul Iman has reserved the land described in the Schedule and delineated upon certified plan No. CP 200847 Sheet No. 6-B-I deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Terengganu, for a public purpose, to wit, a site for Community Centre and has designated that the District Officer of Besut or his successors in office shall maintain the reserved land.

SCHEDULE

District—Besut. Mukim—Kerandang. Locality—Tanah Merah. Plan No.—CP 200847. Sheet No.—6-B-I. Lot No.—56990. Area—0.5000 hectares.

Bertarikh 19 Januari 2011

A. RAHIM BIN JUSOH

Dated 19 January 2011

Setiausaha

[PTG. Tr. 01/62/2008/D/038;

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri

PTB. 05/62/2007/D/001;

Terengganu/

PUN. Tr. 70 Sj. 3 Jld. 22(98)]

Secretary of the State Executive Council

of Terengganu

WARTA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

17hb Feb. 2011]

185

No. 130.

(Subseksyen 64(2))

NOTIS CADANGAN PEMBATALAN PERIZABAN TANAH BAGI MAK SUD AWAM

(Subsection 64(2))

NOTICE OF PROPOSED REVOCATION OF RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Bahwasanya menurut Pemberitahuan yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Terengganu* No. 661 bertarikh 25 September 1986, Pihak Berkuasa Negeri Terengganu Darul Iman pada menjalankan kuasa di bawah subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [Act 56/1965], telah merizabkan tanah yang diperihalkan dalam Jadual dan dipetakan di atas pelan yang diperakui No. II-055908 Lembar Piawai No. 74-A-III yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Terengganu, bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk Pusat Sivik dan Padang Permainan dan telah menetapkan bahawa Pegawai Daerah Hulu Terengganu atau pengganti-pengganti jawatannya hendaklah menyenggara tanah rizab itu.

Dan bahwasanya adalah didapati suaimanfaat sekarang oleh Pihak Berkuasa Negeri Terengganu Darul Iman iaitu perizaban tanah tersebut hendaklah dibatalkan keseluruhannya.

Maka, oleh yang demikian, notis dengan ini diberi di bawah subseksyen 64(2) Kanun Tanah Negara bahawa Pihak Berkuasa Negeri Terengganu Darul Iman bercadang untuk membatalkan perizaban tanah tersebut dan mana-mana orang yang berniat untuk membantah terhadap pembatalan perizaban tersebut boleh mengemukakan bantahannya dalam tempoh satu bulan dari tarikh notis ini dan bantahan itu akan didengar oleh Pengarah Tanah dan Galian Terengganu di suatu penyiasatan yang akan diadakan di pejabatnya di Kuala Terengganu pada 25 Mac 2011 jam 10.00 pagi.

JADUAL

Daerah—Hulu Terengganu. Mukim—Kuala Berang. Kawasan—Kampung Buluh. No. Pelan—II-055908. Lembar Piawai—74-A-III. No. Lot—6440. Luas—10605 meter persegi.

Whereas by Notification published in the Terengganu State Government *Gazette* No. 661 dated 25 September 1986, the State Authority of Terengganu Darul Iman in exercise of the powers under subsection 62(1) of the National Land Code [Act 56/1965], has reserved the land described in the Schedule and delineated upon Certified Plan No. II-055908 Sheet No. 74-A-III deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Terengganu, for a public purpose, to wit, a site for Civic Centre and Playing Ground and has designated that the District Officer of Hulu Terengganu or his successors in office shall maintain the reserved land.

WARTA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

186

[17hb Feb. 2011]

And whereas it now appears expedient to the State Authority of Terengganu Darul Iman that the reservation of the said land should be revoked wholly.

Now, therefore, notice is hereby given in accordance with subsection 64(2) of the National Land Code that the State Authority of Terengganu Darul Iman proposed to revoke the reservation of the said land and any person who intends to object against the said revocation of reservation may submit his objection within one month from the date of this notice and the objection shall be heard by the Director of Land and Mines of Terengganu at an inquiry to be held at his office in Kuala Terengganu on 25 March 2011 at 10.00 a.m.

SCHEDULE

District—Hulu Terengganu. Mukim—Kuala Berang. Locality—Kampung Buluh. Plan No.—II-055908. Sheet No.—74-A-III. Lot No.—6440. Area—10605 square metres.

Bertarikh 19 Januari 2011	A. RAHIM BIN JUSOH
Dated 19 January 2011	<i>Setiausaha</i>
[PTG. Tr. 11/535;	<i>Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri</i>
PTHT. 05/66/2000/0002;	<i>Terengganu/</i>
PUN. Tr. 70 Sj. 3 Jld. 22(88)]	<i>Secretary of the State Executive Council</i> <i>of Terengganu</i>

No. 131.

(Subseksyen 64(2)(b))

NOTIS CADANGAN PEMBATALAN PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

(Subsection 64(2)(b))

NOTICE OF PROPOSED REVOCATION OF RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Bahawasanya menurut Pemberitahuan yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Terengganu* No. 38 bertarikh 1 Februari 2001, Pihak Berkuasa Negeri Terengganu Darul Iman pada menjalankan kuasa di bawah subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [Akta 56/1965], telah merizabkan tanah yang diperihalkan dalam Jadual dan dipetakan di atas pelan yang diperakui No. PA 100236 Lembar Piawai No. 65-A yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Terengganu, bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk Pejabat Pusat Pengembangan Pertanian Telemong dan telah menetapkan bahawa Pengarah Pertanian Terengganu atau pengganti-pengganti jawatannya hendaklah menyenggara tanah rizab itu.

Dan bahawasanya notis cadangan Pihak Berkuasa Negeri Terengganu untuk membatalkan rizab tersebut telah disiarkan sebagai Pemberitahuan Bilangan 898 dalam *Warta Kerajaan Negeri Terengganu* bertarikh 12 September 2010.

WARTA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

17hb Feb. 2011]

187

Dan bahawasanya tiada apa-apa bantahan terhadap cadangan pembatalan itu diterima.

Maka, oleh yang demikian, Pihak Berkuasa Negeri pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 64(2)(b) Kanun Tanah Negara dengan ini membatalkan seluruh rizab tersebut.

JADUAL

Daerah—Hulu Terengganu. Mukim—Hulu Telemong. Kawasan—Kampung Tengkawang Lubuk. No. Pelan—PA 100236. Lembar Piawai—65-A. No. Lot—6925. Luas—4056 meter persegi.

Whereas by Notification published in the Terengganu State Government *Gazette* No. 38 dated 1 February 2001, the State Authority of Terengganu Darul Iman in exercise of the powers under subsection 62(1) of the National Land Code [Act 56/1965], has reserved the land described in the Schedule and delineated upon Certified Plan No. PA 100236 Sheet No. 65-A deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Terengganu, for a public purpose, to wit, a site for Telemong Agriculture Extension Office and has designated that the State Director of Agriculture Terengganu or his successors in office shall maintain the reserved land.

And whereas notice of the proposal of the State Authority to revoke the reserved land was published as a Notice No. 898 in the Terengganu Government *Gazette* dated 12 September 2010.

And whereas no objection to the proposal to revoke the aforesaid reservation was received.

Now, therefore, in exercise of the powers conferred by paragraph 64(2)(b) of the National Land Code, the State Authority hereby revokes the reservation of the whole reserved land.

SCHEDULE

District—Hulu Terengganu. Mukim—Hulu Telemong. Locality—Kampung Tengkawang Lubuk. Plan No.—PA 100236. Sheet No.—65-A. Lot No.—6925. Area—4056 square metres.

Bertarikh 19 Januari 2011

Dated 19 January 2011

[PTG. Tr. 03/66/1993/0002;

PTHT. 02/15/1992/0002;

PUN. Tr. 70 Sj. 3 Jld. 22(84)]

A. RAHIM BIN JUSOH

Setiausaha

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri

Terengganu/

Secretary of the State Executive Council

of Terengganu

WARTA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

188

[17hb Feb. 2011]

No. 132.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Iaitu permohonan yang dibuat oleh Rosmaini binti Jusoh K/P. 710820-03-5214 (A1952210) yang beralamat di No. Lot PT 5809, Taman Beril 1, Jalan Santong, Kampung Bukit Merah, 23100 Paka, Dungun, Terengganu kerana menggantikan hakmilik asal yang telah diikrarkan hilang.

JADUAL

Mukim—Kuala Paka. No. Lot—5957 & 7611. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 3627 & G.M. 5372. Luas—426 meter persegi & 919 meter persegi.

Bertarikh 1 Disember 2010
[PTD. 0/55/2010/B015(3)]

TN. SHARIFAH KHAIRUZITA BINTI TN. KECHIL
Penolong Pentadbir Tanah
Dungun

No. 133.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Iaitu permohonan yang dibuat oleh Hamzah bin Musa K/P. 520306-11-5169 (4275692) yang beralamat di No. 6, Taman Tekukur, 20300 Kuala Terengganu kerana menggantikan hakmilik asal yang telah diikrarkan hilang.

JADUAL

Mukim—Kuala Paka. No. Lot—7680. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 5435. Luas—140 meter persegi.

Bertarikh 5 Januari 2011
[PTD. 07/2011/B001(3)]

TN. SHARIFAH KHAIRUZITA BINTI TN. KECHIL
Penolong Pentadbir Tanah
Dungun

WARTA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

17hb Feb. 2011]

189

No. 134.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Iaitu permohonan yang dibuat oleh Hasidah binti Yaacob K/P. 480114-11-5208 (0549524) yang beralamat di No. D 1299, Lorong Nangka, Durian Burong, 20050 Kuala Terengganu kerana menggantikan hakmilik asal yang telah diikrarkan hilang.

JADUAL

Mukim—Sura. No. Lot—1558. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 1588. Luas—2279.6 meter persegi.

Bertarikh 5 Januari 2011
[PTD. 11/55/2011/B001(3)]

TN. SHARIFAH KHAIRUZITA BINTI TN. KECHIL
Penolong Pentadbir Tanah
Dungun

No. 135.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Iaitu permohonan yang dibuat oleh Khadijah binti Muda K/P. 510126-11-5062 (4034937) yang beralamat di No. 30, Jalan 17-A, Kampung Idaman 2C, Blok C1, 42000 Pelabuhan Klang kerana menggantikan hakmilik asal yang telah diikrarkan hilang.

JADUAL

Mukim—Kuala Dungun. No. Lot—4646. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 1561. Luas—571.9 meter persegi (6156 kaki persegi).

Bertarikh 16 Januari 2011
[PTD. 06/55/2011/B002(3)]

TN. SHARIFAH KHAIRUZITA BINTI TN. KECHIL
Penolong Pentadbir Tanah
Dungun

WARTA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

190

[17hb Feb. 2011]

No. 136.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Iaitu permohonan yang dibuat oleh Tuan Aini binti Tuan Mat @ Tuan Mamat K/P. 491024-03-5072 (2904507) yang beralamat di No. 7, Taman Sura Permai Satu, 23000 Dungun, Terengganu kerana menggantikan hakmilik asal yang telah diikrarkan hilang.

JADUAL

Mukim—Kuala Paka. No. P.T.—6213. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 10777.
Luas—1680 meter persegi.

Bertarikh 16 Januari 2011
[PTD. 07/55/2011/B002(3)]

TN. SHARIFAH KHAIRUZITA BINTI TN. KECHIL
Penolong Pentadbir Tanah
Dungun

No. 137.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Iaitu permohonan yang dibuat oleh Jamaluddin bin Haron K/P. 480301-71-5049 (7305286) yang beralamat di No. 89-7-8, Damanasara Villa, Jalan Bukit Ledang, Off Jalan Duta, 50480 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan kerana menggantikan hakmilik asal yang telah diikrarkan hilang.

JADUAL

Mukim—Kuala Paka & Sura. No. Lot—14073, 14074, 14075, 14076 & 11323, 11324, 11325. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 7545, G.M. 7546, G.M. 7547, G.M. 7548 & G.M. 8073, G.M. 8074, G.M. 8075. Luas—792 meter persegi, 705 meter persegi, 705 meter persegi, 792 meter persegi & 964 meter persegi, 631 meter persegi, 631 meter persegi.

Bertarikh 19 Januari 2011
[PTD. 07/55/2011/B004(3)]

TN. SHARIFAH KHAIRUZITA BINTI TN. KECHIL
Penolong Pentadbir Tanah
Dungun

WARTA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

17hb Feb. 2011]

191

No. 138.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bawah adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Iaitu permohonan yang dibuat oleh Pembinaan Kawai Sdn. Bhd. yang beralamat di No. 89-7-8, Damanasara Villa, Jalan Bukit Ledang, Off Jalan Dut, 50480 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan kerana menggantikan hakmilik asal yang telah diikrarkan hilang.

JADUAL

Mukim—Sura. No. Lot—2585. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 2972.
Luas—149 meter persegi.

Bertarikh 19 Januari 2011 TN. SHARIFAH KHAIRUZITA BINTI TN. KECHIL
[PTD. 11/55/2011/B002(3)] *Penolong Pentadbir Tanah*
 Dungun

No. 139.

(Perenggan 261(1)(c))

SAMAN

Di Pejabat Tanah, Kemaman dalam Negeri Terengganu.

DI ANTARA

Bank Islam Malaysia Berhad

PEMEGANG GADAIAN

DAN

Kamarudin bin Alias
K/P. 650212-11-5411

PENGGADAI

Kepada Encik Kamarudin bin Alias yang beralamat di No. 268, Rumah Murah Kos Rendah, 24000 Kemaman, Terengganu.

Ambil perhatian, bahawasanya pemegang gadaian ke atas tanah yang tersebut di dalam Jadual di bawah ini telah membuat permohonan kepada Pentadbir Tanah, Kemaman di bawah seksyen 260(2) Kanun Tanah Negara supaya PERINTAH JUALAN dikeluarkan ke atas tanah tersebut.

WARTA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

192

[17hb Feb. 2011]

Sila ambil perhatian bahawa siasatan berhubung dengan permohonan pemegang gadaian tersebut akan diadakan pada 8 Mac 2011 (Selasa) pukul 11.30 pagi di Pejabat Tanah Kemaman. Tuan/Puan adalah dikehendaki hadir.

Dan sila ambil perhatian bahawa kegagalan tuan/puan menghadiri siasatan tersebut akan mengakibatkan PERINTAH JUALAN dikeluarkan ke atas tanah tersebut di bawah seksyen 263 Kanun Tanah Negara, 1965.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Banggul. No. Lot—3681. Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 1842. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 573/2008.

Bertarikh 11 Januari 2011
[PTK. 02/53/2010/0072]

NUR KAMILAH BINTI HAMZAH
*b.p. Pentadbir Tanah
Kemaman*

No. 140.

(Perenggan 261(1)(c))

SAMAN

Di Pejabat Tanah, Kemaman dalam Negeri Terengganu.

DI ANTARA

Bank Islam Malaysia Berhad

PEMEGANG GADAIAN

DAN

Mahmad Nazi bin Osman
K/P. 600212-02-5007

PENGGADAI

Kepada Encik Mahmad Nazi bin Osman yang beralamat di No. 693-1, Jalan Melati, Kampung Baru, 24300 Kerteh, Kemaman.

Ambil perhatian, bahwasanya pemegang gadaian ke atas tanah yang tersebut di dalam Jadual di bawah ini telah membuat permohonan kepada Pentadbir Tanah, Kemaman di bawah seksyen 260(2) Kanun Tanah Negara supaya PERINTAH JUALAN dikeluarkan ke atas tanah tersebut.

Sila ambil perhatian bahawa siasatan berhubung dengan permohonan pemegang gadaian tersebut akan diadakan pada 8 Mac 2011 (Selasa) pukul 12.00 tengahari di Pejabat Tanah Kemaman. Tuan/Puan adalah dikehendaki hadir.

Dan sila ambil perhatian bahawa kegagalan tuan/puan menghadiri siasatan tersebut akan mengakibatkan PERINTAH JUALAN dikeluarkan ke atas tanah tersebut di bawah seksyen 263 Kanun Tanah Negara, 1965.

WARTA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

17hb Feb. 2011]

193

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Kertih. No. Lot—2125. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 1384. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 347/2002.

Bertarikh 11 Januari 2011
[PTK. 08/53/2010/0077]

NUR KAMILAH BINTI HAMZAH
*b.p. Pentadbir Tanah
Kemaman*

No. 141.

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Nur Kamilah binti Hamzah, Pentadbir Tanah pada menjalankan kuasa yang diberi di bawah seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tidak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah ini.

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 23 Mac 2011 pada 10.30 pagi di Pejabat Tanah, Kemaman.
 - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM60,000.00 (Ringgit Malaysia: Enam Puluh Ribu sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian/pemegang-pemegang gadaian pada tarikh ini ialah RM37,596.96 (15.12.2010). Nama pemegang gadaian Public Bank Berhad.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) Penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas: RM6,000.00 (Ringgit Malaysia: Enam Ribu sahaja).
 - (b) Amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
 - (c) Di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
 - (i) maka, jumlah wang dinyatakan di dalam perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
 - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah wang yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah wang yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;

WARTA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

194

[17hb Feb. 2011]

-
- (d) Baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari daripada tarikh jualan, iaitu, tidak lewat dari tarikh 21 Julai 2011 dan bahawa tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah dinyatakan; dan
 - (e) Di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah wang yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucutahak dan dilupuskan dengan cara yang dinyatakan di bawah seksyen 267.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Teluk Kalung. No. Lot—1837. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 889. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 1666/2000.

Bertarikh 15 Disember 2010
[PTK. 12/53/2010/0058]

*Pentadbir Tanah
Kemaman*

No. 142.

(Seksyen 263)

PENGISYTIHARAN JUALAN

(Kali Pertama).

Dalam perkara seksyen 263, Kanun Tanah Negara 1965.

DI ANTARA

Public Bank Berhad

PEMEGANG GADAIAN

DAN

Liew Siew Leng K/P. 770423-11-5338
Liew Siew May K/P. 760104-11-5550
Ong Poh Chye K/P. 750211-14-5027

PENGGADAI

Menurut perintah Pentadbir Tanah, Kemaman yang diperbuat pada 15 Disember 2010 adalah dengan ini diisyiharkan bahawa Pentadbir Tanah, Kemaman.

Akan menjual secara lelongan awam pada 23 Mac 2011 (Rabu)
jam 10.30 pagi di Pejabat Tanah, Kemaman.

Nota: Bakal-bakal pembeli adalah dinasihatkan agar membuat carian persendirian/rasmi di Pejabat Tanah dan memeriksa hartaan tersebut.

WARTA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

17hb Feb. 2011]

195

Butir-butir Hakmilik:

Jenis dan No. Hakmilik	:	G.M. 889.
Mukim/Daerah/Negeri	:	Teluk Kalung/Kemaman/Terengganu.
Tempat/Lokaliti	:	Sungai Terjun.
No. P.T.	:	1837.
Keluasan	:	159 meter persegi
Cukai Tanah/Tahunan	:	RM10.00.
Tuanpunya Berdaftar	:	Liew Siew Leng K/P. 770423-11-5338, Liew Siew May K/P. 760104-11-5550 dan Ong Poh Chye K/P. 750211-14-5027.
Taraf Pegangan	:	Selama-lamanya.
Tempoh Pajakan	:	—
Jenis/Kategori Penggunaan Tanah	:	Bangunan.

Syarat Nyata:

- (i) Tanah yang diberimilik ini hendaklah digunakan semata-mata bagi tapak sebuah rumah kediaman sahaja.
- (ii) Di dalam masa dua (2) tahun daripada tarikh kelulusan penukaran syarat tanah ini atau di dalam satu tempoh lanjutan yang diluluskan oleh Pengarah Tanah dan Galian, Terengganu hendaklah didirikan sebuah rumah kediaman mengikut pelan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

Sekatan Kepentingan:

Tiada.

Bebanan (Pemegang Gadaian):

Digadai kepada Public Bank Berhad. No. Perserahan 1666/2000 bertarikh 30 Julai 2000.

Lokasi dan Perihal Tanah:

Hartanah ini terletak di alamat Taman Desa Permai, Bukit Kuang, Kemaman, Terengganu.

Harga Rizab:

RM60,000.00 (Ringgit Malaysia: Enam Puluh Ribu sahaja).

WARTA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

196

[17hb Feb. 2011]

Syarat-syarat Jualan

1. Lelongan adalah terbuka kepada semua Orang Melayu yang berminat termasuk Pemegang Gadaian (jika dibenarkan oleh undang-undang).
2. Sebarang tawaran tidak boleh kurang dari Harga Rizab yang ditetapkan oleh Pentadbir Tanah, Kemaman dalam perintah (Borang 16H) atau Pengisytiharan Jualan.
3. Bakal penyambut mesti terlebih dahulu membayar/menyerah deposit sebanyak 10% daripada harga rizab iaitu selewat-lewatnya 60 minit sebelum penjualan bermula. Penyambut yang tidak berjaya depositnya akan dikembalikan.
4. Bayaran depositnya (3) hendaklah dalam bentuk Bank Draf (sahaja) kepada pemegang gadaian dengan mencatatkan nama dan No. Kad Pengenalan tuan di sebelah belakang Bank Draf berkenaan.
